

Surat khabar: Utusan Sarawak (Stail)

Hari/Tarikh: 23/4/2016

Muka surat: m1

Tajuk : Exploring Career Path: Aspiration For Inspiration di SAKURA, Kuching



Perkongsian.



**PROGRAM** Exploring Career Path: Aspiration For Inspiration berlangsung 16 April 2016 di Sekolah Menengah Sains Kuching Utara (SAKURA), Kuching.

Program anjuran Innovation, Career & Education (ICE) Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dengan kerjasama IKRAM Siswa Kota Samarahan ini melibatkan 61 pelajar Tingkatan Lima sekolah berkenaan.

Pelbagai aktiviti yang dijalankan seperti permainan dalam kumpulan, perkongsian

Para peserta ketika pendaftaran.



## Exploring Career Path: Aspiration For Inspiration di SAKURA, Kuching

daripada pelajar Unimas IKRAM Siswa Kota Samarahan dan sukaneka rakyat.

Turut hadir, wakil IKRAM Siswa Kota Samarahan, Nur Hidayah Abdul Halim, Majidah Jamali dan Mohammad Azwan Hassim.

Menurut Pengarah Program Saudara Mohammad Noor Adam Mohd Nasir, program Exploring Career Path : Aspiration For Inspiration bertujuan berkongsi ilmu berkaitan dunia kerjaya dengan pelajar sekolah.

Selain itu bertujuan memberi motivasi kepada pelajar supaya cemerlang dalam akademik dan kurikulum.

Program dengan anjuran bersama IKRAM Siswa Kota Samarahan ini disokong sepenuhnya oleh 20 fasilitator.

"Program berbentuk khidmat komuniti sebegini amat ditekankan dalam usaha menjadikan mahasiswa untuk lebih ambil berat dan membantu masyarakat membangunkan modal insan yang cemerlang dan berdaya saing," ujarnya.

Peserta program, Abdul Muzhaffar Adenan menyifatkan

Wakil IKRAM Siswa Kota Samarahan, Mohd Azwan memberi kata-kata motivasi kepada peserta.



Aktiviti Exploring Career Path - Aspiration for Inspiration.

program sebegini penting bagi memberi pengetahuan kepada pelajar tentang cabaran yang bakal dihadapi dalam mendapatkan pekerjaan pada masa hadapan.

"Dengan pendedahan sebegini menjadikan para pelajar lebih fokus dan terarah memasuki universiti mengikut bidang yang disukai oleh mereka," katanya.

Wakil SAKURA, Dalina Binti Ismail selaku guru Kaunseling, berkata pihaknya sentiasa mengalu-alukan kehadiran mana-mana pihak, terutama Unimas dan ICE dalam mendekati mahasiswa dengan pelajar sekolah.

Kehadiran mahasiswa dalam membantu pihak sekolah disifatkan sebagai suatu contoh dan model terbaik yang mampu menginspirasi para pelajar.

**TABUNG KEMANUSIAAN**

Facebook, Twitter, Instagram icons /mycarehq  
+603-8941 2341

**MyCARE**  
Humanitarian Care Malaysia

SUMBERAN CECIK ATAS NAMA: HUMANITARIAN CARE MALAYSIA BERHAD  
Maybank Islamic Berhad 5515 7500 4299 | CIMB Islamic Bank Berhad 8602 135 592 | Bank Islam Malaysia Berhad 1209 2010 0349 04